

APLIKASI MODEL A.D.A.B DALAM KAEDAH PENERAPAN NILAI MURNI BAGI KURSUS MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) DI UITM

The Application of A.D.A.B Model In Cultivation of Noble Values For General Studie Courses at UITM

*Noor Syahida Md Soh¹, Faridah Mohd Sairi¹, Mohd Norazri Mohamad Zaini², Mohd Annas Shafiq Ayob¹, Azhar Abdul Aziz¹

¹Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Selangor Kampus Dengkil
43800 Dengkil, Selangor, Malaysia.

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: noors8233@uitm.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
11-Sep-2024	19-Oct-2024	07-Jan-2025	29-Jun-2025

Abstrak

Konsep penerapan *adab* telah mendapat perhatian oleh pihak Universiti Teknologi MARA bagi merealisasikan pelaksanaan Pendidikan 5.0 di UiTM. Pengenalan kepada model A.D.A.B sebagai reka bentuk penyampaian pengajaran, diinspirasi dari perkataan *adab* yang diaplikasi di dalam "B" (Built-in Belief) semasa pengajaran dan pembelajaran. Bertitik tolak dari amanat sulung dan ucapan Hari Akademia 2021 yang disampaikan oleh Naib Canselor UiTM, model A.D.A.B mula diperkenalkan untuk dibudayakan di dalam pelan ODL 4.0 di UiTM. Kajian lepas mendapati model A.D.A.B adalah lebih baik berbanding dengan model reka bentuk pengajaran yang lain. Justeru, kajian ini telah meneroka aplikasi model A.D.A.B dalam kaedah penerapan nilai murni bagi kursus Mata pelajaran engajian Umum (MPU) di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti9 secara tematik. Dapatan menunjukkan aplikasi model A.D.A.B dalam kaedah penerapan nilai murni bagi kursus MPU di UiTM telah berlaku melalui tiga kaedah iaitu kaedah pelaksanaan, metodologi pengajaran, dan kaedah pentaksiran. Ketiga-tiga kaedah ini boleh menjadi rujukan para pensyarah dan pelajar UiTM dalam merealisasikan aplikasi A.D.A.B serta menerapkan nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Model A.D.A.B, Kursus MPU, Nilai Murni, Pendidikan 5.0

Abstract

The concept of applying *adab* has received attention from Universiti Teknologi MARA to the realization of the implementation of Education 5.0 at UiTM. Introduction to the A.D.A.B model as a teaching delivery design, inspired by the word *adab* applied in "B" (Built-in Belief) during teaching and learning. Starting from the inaugural mandate and speech of the Academic Day 2021 delivered by the Vice-Chancellor of UiTM, the A.D.A.B model was first introduced to be inculcated in the ODL 4.0 plan at UiTM. Previous studies have found that the A.D.A.B model is better than other teaching design models. Therefore, this study will explore the application of the A.D.A.B model in the method of applying noble values for General Studies (MPU) courses at Universiti Teknologi MARA (UiTM). Studies that used a qualitative approach through interviews and observations were analyzed using ATLAS.ti9 software thematically. The findings show that the application of the

A.D.A.B model in the method of applying noble values for MPU courses at UiTM has occurred through three methods, namely the implementation method, teaching methodology, and assessment method. These three methods can be a reference for UiTM lecturers and students in realizing the A.D.A.B application as well as instilling noble values through the teaching and learning process.

Keywords: A.D.A.B Model, MPU Courses, Noble Value, Education 5.0


1.0 PENGENALAN

Agama berperanan bagi membentuk akhlak manusia sama ada melalui suruhan mahupun larangan yang terdapat di dalam ajarannya (Mohammad Muslihuddin, 2014) menjadi satu piawaian terhadap penilaian akhlak manusia. Hubungan yang akrab di antara agama dan pendidikan tidak dapat dipisahkan dari pembentukan nilai murni yang selari dengan tuntutan akhlak Islam. Matlamat bagi menghasilkan manusia yang berakhlak mulia adalah menjadi tunjang utama dalam proses pendidikan. Al-Ghazali menekankan maksud pendidikan ialah menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah. Hal ini disokong oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980) yang menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Tegasnya, menurut perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral (Asmawati Suhid, 2006). Konsep penerapan adab telah mendapat perhatian oleh pihak Universiti Teknologi MARA bagi merealisasikan pelaksanaan Pendidikan 5.0 di UiTM. Pengenalan kepada model A.D.A.B sebagai reka bentuk penyampaian pengajaran, diinspirasi dari perkataan adab yang diaplikasikan di dalam "B" (Built-in Belief) semasa pengajaran dan pembelajaran (Norhapizah, 2021).

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Model A.D.A.B di Universiti Teknologi MARA

Model A.D.A.B telah diperkenalkan di UiTM sebagai sebahagian daripada pelan Pendidikan 5.0 dan Online Distance Learning (ODL) 4.0 untuk membentuk budaya pengajaran yang mengutamakan nilai murni. Permulaannya secara rasmi dibuat melalui amanat Naib Canselor sempena Hari Akademia 2021, yang menegaskan kepentingan penerapan adab dalam pengajaran. Sejak itu, model ini digunakan secara meluas dalam semua kursus yang ditawarkan di UiTM termasuk kursus-kursus di bawah Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) untuk memastikan pendekatan holistik dalam membina pelajar berakhlak tinggi. Walau bagaimanapun, kajian keberkesanan aplikasi model ini perlu dilakukan untuk menilai sejauh mana ia mencapai objektifnya dari sudut pelajar dan tenaga pengajar. Pendidikan 5.0 telah menekankan kepada nilai dan pemikiran masa hadapan, serta inspirasi adab dan amanah adalah sangat penting untuk membentuk graduan masa hadapan yang holistik. Model A.D.A.B UiTM yang terdiri dari empat proses penyampaian yang utama dapat digambarkan seperti Rajah 1.



Sumber: Norhapizah (2021)

Rajah 1: Model reka bentuk A.D.A.B bagi penyampaian pengajaran


Model A.D.A.B yang terdiri daripada a) Analyse, b) Design and deliver, c) Assess, dan d) Built-in belief ini boleh digunakan oleh pensyarah untuk pelbagai bidang. Pada peringkat yang pertama, pensyarah perlu menganalisis keperluan pelajar, persekitaran, kandungan kursus, kaedah penyampaian serta aktiviti pembelajaran, penilaian, perkembangan semasa kursus, masalah dan cabaran, serta jangkaan dan harapan pensyarah terhadap kursus yang disampaikan (Norhapizah, 2021).

Peringkat yang kedua bagi model A.D.A.B ini melibatkan fasa design iaitu proses mereka bentuk. Proses mereka bentuk ini melibatkan reka bentuk keterhubungan pembelajaran dengan ilmu, Pencipta manusia dan persekitaran, reka bentuk pembelajaran dengan dunia dan tempat kerja, penyampaian kandungan kursus yang terkait dengan konteks semasa dan dunia realiti, serta penyampaian dalam persekitaran pembelajaran saling hormat menghormati (Norhapizah, 2021).

Pada peringkat yang ketiga, model A.D.A.B menekankan kepada proses assess iaitu proses penilaian. Proses penilaian ini memerlukan pensyarah untuk menilai pembelajaran berterusan untuk tujuan menambah baik pembelajaran, menilai komitmen, penyertaan dan penglibatan dengan Pencipta, manusia dan persekitaran, dengan tingkah laku baik, serta menilai keperluan dan kemahiran luar bidang kursus "transversal skills" atau "key competencies".

Peringkat terakhir dalam model A.D.A.B ini merupakan proses terpenting dalam pembentukan adab bagi melahirkan graduan masa hadapan yang holistik. Peringkat built-in belief ini merangkumi proses penghayatan nilai yang melibatkan proses memasukkan refleksi, membina kepercayaan yang kuat, penyerapan nilai, dan meningkatkan kepercayaan pelajar.

Kitaran proses yang lengkap di dalam model A.D.A.B ini dapat membentuk budaya pembelajaran reflektif di mana pelajar dapat menghayati penerapan adab melalui proses pembelajaran mereka. Penghayatan mengenai adab dengan Tuhan, adab dengan diri, adab dengan ilmu, serta adab dengan guru perlu dicapai pada pengakhiran kitaran model A.D.A.B ini. Pensyarah berperanan untuk membantu pelajar untuk menghayati nilai-nilai yang diterapkan ini melalui penyampaian pengajaran mereka yang telah dirancang sesuai dengan model A.D.A.B.



Sumber: Norhapizah (2021)

Rajah **Error! No text of specified style in document.**: Elemen untuk merealisasikan Model A.D.A.B

Rajah 2 menjelaskan mengenai tujuh elemen yang terlibat untuk merealisasikan model A.D.A.B di dalam pengajaran di UiTM. Elemen yang pertama meliputi aspek situate, di mana pensyarah perlu menganalisis keperluan pelajar, meneliti akses, memprofil pelajar, memetakan dan menyampaikan hasil pembelajaran yang perlu dicapai, keperluan pembelajaran dan pentaksiran yang akan dijalankan. Adalah penting untuk pensyarah menjelaskan adab dalam sesi pembelajaran pada peringkat ini.

Seterusnya, elemen digest akan meliputi aspek penyampaian kandungan utama kursus dengan pelbagai kaedah yang bersesuaian. Pelajar akan dipandu untuk mencerna topik-topik pembelajaran, dan diberi akses kepada kandungan kursus melalui pelbagai platform yang tersedia seperti MOOC dan U-future. Elemen yang ketiga melibatkan aspek synthesize di mana pensyarah perlu melatih pelajar untuk membuat kesimpulan dan mensintesis pembelajaran serta mengaplikasikannya di dalam konteks yang berbeza-beza. Elemen create pula dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menzahirkan apa yang telah mereka pelajari dalam bentuk idea, penulisan, pembentangan dan sebagainya mengikut bidang pengajian mereka.

Seterusnya, elemen connect membolehkan pelajar berhubung dengan dunia luar melalui hubungan global mahupun lokal. Pelajar akan dihubungkan dengan pelajar lain, pengamal industri, pakar, dan komuniti melalui sesi pembelajaran atau perkongsian. Amalan pengajaran kolaboratif turut membantu untuk mencapai elemen ini. Elemen reflect pula akan diterapkan melalui refleksi para pelajar. Para pensyarah akan memandu pelajar untuk menjalankan refleksi berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka melalui pelbagai kaedah seperti penulisan, video dan jurnal. Elemen ini dapat membantu pelajar untuk membuat refleksi terhadap kepentingan ilmu yang dipelajari di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Elemen yang terakhir ialah value and extend di mana pelajar akan dilatih untuk menghargai ilmu dan pembelajaran mereka serta menyebarkannya untuk kepentingan dan kesejahteraan diri, alam dan masyarakat. Elemen ini dapat membantu pelajar untuk menghayati ilmu yang mereka pelajari serta memberi inspirasi kepada masyarakat luar melalui penyampaian ilmu yang telah mereka pelajari.

Model A.D.A.B yang telah diadaptasi dari model reka bentuk instruksi ADDIE ini telah memberi satu nilai tambah kepada penghayatan nilai murni melalui penambahan elemen Built-in belief. Malah, hasil penemuan kajian Ahmad Zukarnain et.al (2022) mendapati model A.D.A.B adalah lebih baik berbanding dengan model

reka bentuk pengajaran yang lain khususnya dalam pengajaran subjek yang berasaskan teknologi dan teknikal. Secara asasnya, model ADDIE terdiri dari lima fasa iaitu 1. Analysis (analisis), 2. Design (rekabentuk), 3. Development (pembangunan), 4. Implement (pelaksanaan) dan 5. Evaluation (penilaian) yang bermatlamat untuk menyediakan garis panduan ke arah pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan (Ahmad Zukarnain et.al, 2022). Reka bentuk instruksi daripada model ADDIE yang telah ditambahbaik melalui model A.D.A.B dapat menentukan strategi pengajaran yang akan digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus MPU.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan fenomenologi, yang dibincangkan secara deskriptif kerana ia dijalankan untuk menganalisis aplikasi model A.D.A.B dalam kaedah penerapan nilai murni bagi pengajaran kursus MPU. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada lima orang pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari berjawatan tetap serta lima orang pelajar yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus MPU kelompok U1 di negeri Selangor sahaja. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan, informan yang dipilih adalah dalam kalangan informan yang boleh memberikan maklumat atau pengalaman yang diperlukan dalam sesebuah kajian (Bernard, 2011). Penetapan pemilihan informan pula dibuat berdasarkan ketetapan pensyarah yang telah mengajar kursus MPU melebihi tempoh lima tahun serta pelajar yang belajar kursus MPU dengan mereka sewaktu proses pengumpulan data dibuat. Penetapan informan pensyarah ini dibuat atas faktor mereka tidak lagi dikategorikan sebagai pendidik atau guru novis. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur secara tandom. Kaedah ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang terperinci dan kaya dengan maklumat, kerana soalan yang digunakan fleksibel tetapi tetap terarah kepada objektif kajian (Ghazali & Sufean, 2016). Temu bual ini memberi ruang kepada informan untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka dengan bebas tetapi masih dalam batasan yang relevan dengan kajian

Analisis data telah dijalankan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti9 bagi mengeluarkan tema kaedah penerapan nilai murni yang digunakan di dalam pengajaran kursus MPU. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan kaedah tematik dan perbandingan dengan model A.D.A.B telah dilakukan. Kaedah perbandingan yang dilakukan terhadap dapatan kajian dengan model A.D.A.B adalah bertujuan untuk memastikan bahawa tema-tema yang dikenal pasti selari dengan elemen-elemen utama yang digariskan dalam model tersebut (Othman Talib, 2019). Proses perbandingan ini melibatkan langkah-langkah yang sistematik dan berstruktur iaitu pengestrakan tema utama dari data, pepadanan tema dengan model A.D.A.B, serta analisis kontekstual. Seterusnya, analisis tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menyusun, dan memberikan pandangan secara sistematik mengenai corak makna (tema) merentasi set data (Braun, V. & Clarke, V. 2012). Data yang telah dianalisis akan dikumpulkan mengikut tema yang tertentu untuk dibincangkan mengikut objektif kajian yang telah dibina. Penghasilan tema pula diterjemahkan ke dalam bentuk visual bagi memudahkan penyelidik untuk membuat tafsiran data kualitatif (Othman, 2019). Kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat dan menganalisis kaedah penerapan nilai murni di dalam pengajaran kursus MPU yang selari dengan model A.D.A.B. Tiga tema yang terhasil berdasarkan analisis yang


telah dijalankan akan dibentangkan di dalam dapatan kajian iaitu; kaedah pelaksanaan, metodologi pengajaran, dan kaedah pentaksiran.

4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Terdapat tiga tema kaedah penerapan nilai-nilai murni bagi kursus MPU yang diperoleh melalui kajian ini, iaitu kaedah pelaksanaan penerapan nilai murni, metodologi pengajaran kursus MPU, dan kaedah pentaksiran. Perbincangan berkaitan kaedah penerapan nilai-nilai murni bagi kursus MPU ini meliputi dapatan yang diperoleh melalui analisis tematik yang melibatkan respon yang diberikan oleh pensyarah dan pelajar ketika sesi temu bual separa berstruktur dijalankan, serta nota lapangan pemerhatian yang diperoleh melalui proses pemerhatian aktiviti perkuliahan maya yang dikendalikan oleh informan pensyarah. Hasil analisis tematik yang diperoleh dibentangkan mengikut tema-tema seperti berikut:

4.1 Kaedah Pelaksanaan Penerapan Nilai Murni

Terdapat tiga kategori yang telah dihipunkan bagi membentuk tema kaedah pelaksanaan penerapan nilai murni, iaitu kaedah sebelum, kaedah semasa, dan kaedah selepas. Kategori-kategori ini terhasil berdasarkan kepada penambahbaikan yang dibuat oleh penyelidik terhadap gabungan Model Proses Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (Ibnu Khaldun, 1967) dan Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura, 1969). Berdasarkan kepada kedua-dua model ini, terdapat empat peringkat proses pengajaran dan pembelajaran yang dibincangkan. Penyelidik melihat terdapat hubungan di antara kedua-dua model ini, di mana ia bermatlamat untuk memastikan berlakunya perubahan tingkah laku pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui. Keempat-empat peringkat yang dibincangkan oleh kedua-dua model ini melibatkan proses yang berlaku sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Namun, analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pelaksanaan penerapan nilai melalui pengajaran dan pembelajaran kursus MPU tidak terhad hanya sewaktu sesi perkuliahan berjalan. Tetapi, kaedah pelaksanaan penerapan nilai murni berlaku dalam tiga keadaan iaitu sebelum sesi kuliah, semasa sesi kuliah, dan selepas sesi perkuliahan seperti di dalam Rajah 3.



Sumber: Penyelidik (2021)

Rajah 3: Kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni

Lima kod bagi kategori kaedah sebelum telah dikeluarkan melalui analisis temu bual serta pemerhatian aktiviti perkuliahan kursus MPU, iaitu penggunaan alat bantu mengajar, memaklumkan objektif pengajaran, merujuk silibus, penentuan prosedur, serta penyediaan fail modul.

Sebanyak 19 kod telah dikategorikan sebagai kaedah semasa bagi kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni yang meliputi kod-kod berikut:

- a) Penggunaan bahasa yang mudah
- b) Berperingkat
- c) Daya kemampuan pelajar
- d) Fokus satu disiplin ilmu
- e) Isi pengajaran berbentuk fakta
- f) Penggunaan isu semasa, pengajaran yang jelas
- g) Kefahaman tentang isi pengajaran
- h) Konteks penyampaian pengajaran
- i) Menarik perhatian verbal dan non-verbal
- j) Menjelaskan peraturan
- k) Memberikan peluang untuk mencatat nota
- l) Penentuan konsep dan istilah
- m) Pengajaran mengikut persekitaran
- n) Pengajaran secara langsung
- o) Pengajaran secara tidak langsung
- p) Pengenalan isi pengajaran
- q) Penggunaan contoh dalam pengajaran
- r) Penggunaan nota kuliah

Bagi kategori kaedah selepas pula, lima kod telah pun diperolehi berdasarkan hasil analisis temu bual serta pemerhatian yang dibuat terhadap informan kajian ini. Kod-kod ini meliputi kebolehan mengaplikasi pelajaran, menerima ganjaran, mengulang, peluang memberi maklum balas, dan peluang membuat latihan.

Berdasarkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi, ketiga-tiga kaedah pelaksanaan penerapan nilai murni sama ada kaedah sebelum, kaedah semasa, dan kaedah selepas adalah penting untuk menerapkan nilai-nilai murni. Kaedah sebelum yang telah dianalisis di dalam dapatan kajian meliputi persediaan yang perlu dibuat oleh para pensyarah sebelum memulakan kuliah bagi kursus MPU. Antara kaedah yang digunakan oleh pensyarah sebelum memulakan perkuliahan ialah menyediakan fail modul untuk diberikan kepada pelajar sebagai persediaan untuk proses pengajaran dan pembelajaran kursus MPU. Fail modul yang meliputi maklumat-maklumat silibus, penilaian, serta nota-nota slaid diberikan kepada semua pelajar untuk memudahkan mereka membuat rujukan. . Penggunaan nota slaid sebagai alat bantu mengajar turut membantu pensyarah untuk memastikan proses penerapan nilai murni lebih berkesan. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dibuat oleh Latifah et al., (2012), Mohamad Azhari et al., (2012) serta Hairol Anuar et al., (2018) di mana penggunaan alat bantu mengajar dalam sesi pengajaran mampu untuk menerapkan nilai-nilai murni, menarik minat pelajar untuk terus mempelajari kursus MPU, serta meningkatkan prestasi pelajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah telah menggunakan pelbagai kaedah untuk menyokong model A.D.A.B, termasuk penyediaan fail modul, penggunaan tayangan video, dan nota slaid sebagai alat bantu mengajar. Langkah ini bukan sahaja memudahkan pengajaran tetapi juga memastikan penerapan nilai murni lebih berkesan. Namun, keberkesanan penerapan nilai ini di pihak pelajar masih kurang diteliti. Kajian yang dinyatakan oleh Nor Aishah dan Mohd Zolkifli (2014) menunjukkan bahawa pelajar yang kurang persediaan menghadapi cabaran dalam menghayati nilai murni. Oleh itu, penting

untuk mengukur tahap penerimaan dan penghayatan pelajar terhadap nilai-nilai yang diterapkan melalui model A.D.A.B.

Kajian yang dibuat oleh Vasantakumaran et al., (2021) mendapati bahawa, di antara masalah yang dihadapi oleh para pendidik untuk menerapkan nilai murni melalui pengajaran dan pembelajaran adalah kekurangan alat bantu mengajar. Namun, Namun, dapatan kajian ini menunjukkan hasil yang bertentangan dengan kajian Vasantakumaran et al. (2021), apabila kesemua informan didapati telah menggunakan alat bantu mengajar seperti nota slaid dan tayangan video secara konsisten dalam proses pengajaran. Penggunaan alat bantu ini bukan sahaja memudahkan penyampaian pengajaran tetapi juga memperkukuh proses penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar, sekaligus mengatasi isu kekurangan alat bantu yang dinyatakan dalam kajian tersebut. Walaupun dapatan ini bertentangan, ia membuka ruang untuk kajian lebih lanjut mengenai keberkesanan alat bantu ini dari perspektif pelajar. Sebagai contoh, sejauh mana pelajar benar-benar memahami dan menghayati nilai murni yang diterapkan melalui kaedah ini? Bagi mengatasi kekurangan ini, beberapa mekanisme baharu boleh dicadangkan bagi kajian yang akan datang.

Seterusnya, sebelum memulakan kuliah, para pensyarah telah membuat penentuan prosedur dan memaklukkannya kepada para pelajar. Analisa dapatan kajian menunjukkan bahawa dengan membuat penentuan prosedur sebelum memulakan kuliah, pensyarah dapat membina hubungan yang baik dengan pelajar, serta merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Perancangan yang rapi sebelum sesi perkuliahan mampu untuk memastikan pelajar dapat membina nilai disiplin dan bersedia dengan lebih awal. Kajian yang dibuat oleh Nor Aishah dan Mohd Zolkifli (2014) mendapati pelajar yang tidak membuat persediaan awal sebelum sesi perkuliahan bermula akan menyebabkan proses penerapan nilai murni menjadi sukar. Ini adalah kerana, pelajar tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya sewaktu sesi perkuliahan. Justeru, dapatan kajian ini telah menunjukkan kesungguhan pensyarah yang telah menggalakkan persediaan awal sebelum memulakan kuliah untuk membentuk dan melahirkan pelajar yang lebih bersedia dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan pengamalan model A.D.A.B di dalam kursus MPU berjaya diaplikasikan dengan baik. Di dalam model A.D.A.B, peringkat yang pertama di dalam reka bentuk penyampaian kursus-kursus di UiTM hendaklah memastikan bahawa pensyarah menganalisis dan bersedia dengan keperluan pelajar dari sudut pembelajaran serta persekitaran pembelajaran (Norhapizah, 2021). Justeru, dapatan kajian ini membuktikan bahawa usaha pensyarah untuk memastikan kehadiran pelajar ke sesi perkuliahan dalam keadaan bersedia dan impaknya dapat menjadikan proses penerapan nilai murni lebih berkesan.

Kaedah pelaksanaan penerapan nilai murni bagi kursus MPU yang kedua melibatkan kaedah semasa sesi perkuliahan berjalan. Kaedah semasa ini melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran yang tersusun, serta pendekatan-pendekatan yang digunakan pensyarah sewaktu menyampaikan kuliah kursus MPU kepada pelajar. Di dalam model A.D.A.B yang telah diperkenalkan di UiTM, proses mereka bentuk penyampaian pengajaran perlu memastikan bahawa penyampaian kandungan pembelajaran dikaitkan dengan konteks semasa dan realiti (Norhapizah, 2021). Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa isu-isu semasa telah menjadi asas perbincangan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus MPU. Penggunaan isu semasa merupakan kaedah yang paling kerap diterapkan oleh pensyarah dalam menyampaikan kandungan pembelajaran kepada pelajar, serta asas pencarian tajuk tugas pelajar. Dapatan ini dilihat telah menyokong Model Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran oleh Ibnu Khaldun (1967) bagi membentuk sikap yang

baik, di mana pada peringkat Tadrij, pendidik disarankan untuk menggunakan isu semasa bagi membantu meningkatkan keintelektualan pelajar (Mohd Zahirwan et al., 2017).

Penekanan terhadap persekitaran pembelajaran turut memainkan peranan yang penting dalam kaedah untuk menerapkan nilai-nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah menggunakan kaedah penerapan nilai murni melalui teknik menarik perhatian pelajar secara verbal, serta non-verbal sama ada dalam bentuk persoalan, peringatan, serta nasihat dan motivasi. Dapatan ini dilihat selari dengan pelaksanaan teori pembelajaran sosial oleh Abert Bandura, di mana pada peringkat pemerhatian pelajar, penggunaan intonasi secara verbal atau non-verbal adalah penting untuk menarik perhatian pelajar (Qumruin, 2015). Melalui model A.D.A.B, penyampaian kandungan kursus hendaklah berlaku dalam persekitaran pembelajaran yang saling hormat-menghormati di antara pelajar dan pensyarah (Norhapizah, 2021). Berdasarkan penelitian yang dijalankan, pembentukan persekitaran pembelajaran yang saling menghormati telah diaplikasikan melalui penjelasan peraturan dalam kaedah semasa untuk menerapkan nilai-nilai murni. Pensyarah bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada pelajar tentang aspek sahsiah rupa diri, dan tatacara yang perlu diikuti oleh pelajar bagi membina hubungan yang baik di antara pelajar dengan pensyarah. Dalam hal ini, Islam telah menjelaskan peraturan-peraturan kehidupan manusia bagi menjamin kesejahteraan dan membentuk akhlak setiap insan (Che Husain & Tengku Kasim, 2006) sebagaimana yang dijelaskan di dalam firman Allah SWT mengenai kewajipan menunaikan solat dapat mencegah manusia dari perbuatan yang keji dan mungkar:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya: Bacalah Kitab (al-Quran) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingat Allah (solat) itu lebih besar (keutamaannya dari ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan. (al-Ankabut: ayat 45)

Analisis dapatan kajian mengenai kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni yang terakhir ialah tentang kaedah selepas penyampaian kandungan pembelajaran kepada pelajar. Kaedah selepas ini meliputi perbincangan mengenai kaedah-kaedah yang dijalankan untuk memastikan proses penerapan nilai murni dijalankan secara berkesan. Sebagai contoh, ia dapat dinilai melalui kebolehan pelajar mengaplikasi ilmu yang dipelajari melalui latihan, pembentangan, perbincangan, pengulangan topik-topik pembelajaran yang lepas, serta maklum balas yang diberikan terhadap pembelajaran mereka. Kebolehan para pelajar ini dapat menonjolkan kemahiran-kemahiran pelajar terhadap nilai murni yang diterapkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, pelajar bukan sahaja mampu mengaitkan topik-topik pembelajaran dengan isu semasa yang sedang berlaku dalam negara dan luar negara, bahkan dapat mencadangkan resolusi serta cadangan penyelesaian secara holistik. Pensyarah turut berpandangan bahawa, nilai-nilai yang dipelajari di dalam kursus MPU dapat membantu pelajar untuk mengaplikasikannya dalam pelbagai dimensi kehidupan sosial secara menyeluruh. Dapatan ini telah

menyokong model A.D.A.B di dalam penyampaian pengajaran di UiTM. Pada peringkat penilaian, pensyarah perlu menilai keperluan dan kemahiran pelajar terhadap kursus yang dipelajari, manakala proses penerapan nilai murni itu akan berlaku pada peringkat terakhir melalui refleksi pelajar, serta penghayatan nilai (Norhapizah, 2021).


Seterusnya, kaedah pengulangan dan latihan juga turut digunakan oleh pensyarah sebagai kaedah selepas bagi pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni. Ia menjadi satu kaedah pengukuhan yang telah digunakan dengan mengimbas topik-topik yang telah dibincangkan di dalam sesi kuliah yang lepas bersama pelajar, serta memberikan tugas tambahan berbentuk latihan. Dapatan ini menyokong pandangan Khairul Azhar (2018) dan Mohd Zahirwan (2019) tentang konsep pengulangan bagi memastikan ilmu, nasihat dan penerapan nilai akan melekat kukuh dalam pemikiran dan jiwa pelajar. Malah, pendekatan kaedah pengulangan (Tikrar) telah dijelaskan di dalam al-Quran bagi menunjukkan tentang kepentingan sesuatu perkara (Anasri, 2019). Dari sudut yang berbeza, pemberian tugas tambahan berbentuk latihan boleh dijadikan sebagai kaedah pengukuhan penerapan nilai-nilai murni melalui kaedah selepas di dalam pelaksanaan penerapan nilai murni. Analisis dapatan kajian menunjukkan pensyarah telah mengoptimumkan penggunaan platform u-future serta laman sesawang perpustakaan UiTM bagi tujuan pemberian latihan tambahan. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang dibuat oleh Saepudin (2015), di mana kaedah pemberian latihan kepada pelajar dapat meningkatkan penyertaan pelajar dalam pembelajaran. Di dalam amalan pendidikan berimpak tinggi HIEPs, keterlibatan pelajar di dalam aktiviti selepas pengajaran mampu untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik pembelajaran (Adina et al., 2020). Justeru, pelbagai nilai murni dapat diterapkan dengan sebaiknya jika pelaksanaan kaedah selepas digunakan di dalam pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa dapatan yang diperolehi dalam kajian ini telah menyokong dan menambahbaik kajian-kajian yang lepas mengenai kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni sebelum, semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran kursus MPU. Dapatan-dapatan kajian ini juga dilihat telah membuktikan pelaksanaan model A.D.A.B yang telah dipraktikkan di dalam pengajaran kursus MPU secara dalam talian dilaksanakan dengan baik oleh para pensyarah yang ditugaskan untuk mengajar kursus MPU di UiTM. Pada peringkat awal kajian, analisis literatur menunjukkan terdapat empat peringkat proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku sewaktu sesi kuliah berlangsung. Walau bagaimanapun analisis dapatan kajian telah berjaya membahagikan kaedah tersebut kepada tiga peringkat yang lebih strategik, iaitu kaedah sebelum, semasa dan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Penambahbaikan ini dapat memberikan nilai tambah kepada proses penerapan nilai murni secara berterusan, dan ia tidak terhad semasa di dalam sesi perkuliahan sahaja.

4.2 Metodologi Pengajaran Kursus MPU

Tema kedua kedua yang telah dihasilkan dalam kajian ini adalah metodologi pengajaran yang telah digunakan di dalam pengajaran kursus Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU). Terdapat empat kategori metodologi pengajaran kursus Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) yang diperolehi melalui kajian ini seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 4, iaitu pengajaran berpusatkan guru berteknologi tinggi, pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi tinggi, pengajaran berpusatkan guru berteknologi rendah, dan pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi rendah. Kategori-kategori ini terhasil berdasarkan kepada penelitian kajian literatur yang telah dibuat oleh penyelidik terhadap kajian-kajian yang lepas mengenai

metodologi pengajaran yang digunakan untuk menerapkan nilai-nilai murni di dalam pengajaran. Analisis dapatan kajian turut menunjukkan bahawa para pensyarah ada melakukan aktiviti amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) melalui metodologi pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi rendah.



Sumber: Penyelidik (2021)

Rajah 4: Metodologi pengajaran kursus MPU

Penyelidik telah membahagikan metodologi-metodologi pengajaran yang digunakan di dalam pengajaran kursus MPU kepada dua subjek, iaitu metodologi pengajaran berpusatkan guru dan metodologi pengajaran berpusatkan pelajar. Penyelidik turut mengasingkan metodologi pengajaran yang digunakan kepada dua bentuk iaitu berteknologi tinggi, dan berteknologi rendah bagi setiap satu subjek sama ada berpusatkan guru, mahupun berpusatkan pelajar. Terdapat lima bentuk metodologi pengajaran berpusatkan guru berteknologi tinggi yang telah digunakan di dalam pengajaran kursus MPU iaitu metodologi aplikasi permesejan, metodologi e-pembelajaran, metodologi kelas berbalik, metodologi media sosial, dan metodologi video. Seterusnya, hanya dua bentuk metodologi pengajaran berpusatkan guru berteknologi rendah yang digunakan oleh pensyarah sewaktu pengumpulan data kajian ini dibuat, iaitu metodologi kuliah, serta metodologi maklum balas pensyarah. Bagi metodologi pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi tinggi pula, empat bentuk metodologi pengajaran yang telah diamalkan di dalam pengajaran kursus MPU iaitu, metodologi aplikasi permesejan, metodologi e-pembelajaran, metodologi media sosial, dan metodologi video. Selain itu, analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk metodologi pengajaran yang telah digunakan bagi kategori metodologi pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi rendah, iaitu metodologi kajian kes, metodologi maklum balas rakan, dan metodologi perbincangan.

Berdasarkan daripada hasil temu bual, pensyarah turut memaklumkan kepelbagaian metodologi pengajaran yang telah digunakan, sama ada melalui kelas fizikal mahupun kelas secara Open Distance Learning (ODL). Justeru, penggunaan metodologi pengajaran berteknologi rendah turut dibincangkan sebagai hasil dapatan kajian ini, walaupun sesi pengajaran dan pembelajaran semasa pengumpulan data kajian dibuat sepenuhnya secara maya atau kuliah ODL.

Penyelidik mendapati, kepelbagaian metodologi pengajaran yang digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus MPU selari dengan pandangan Siti Khadijah dan Mohd. Isa (2021) mengenai kepentingan mempelbagaikan kaedah dan metodologi pengajaran yang digunakan untuk memastikan proses penerapan nilai murni dapat dilakukan dengan baik. Malah, metodologi pengajaran di dalam al-Quran turut mementingkan penggunaan metodologi pengajaran yang pelbagai seperti pendekatan berbentuk keagamaan (fitrah manusia), rasional, budaya, dan saintifik (aqal) (Fikri, 2017).

Penyelidik juga mendapati penerapan nilai murni melalui penggunaan metodologi pengajaran berteknologi tinggi sejajar dengan aplikasi model A.D.A.B yang telah digariskan oleh pihak UiTM bagi penyampaian kursus secara ODL (Norhapizah, 2021). Model A.D.A.B antaranya, pensyarah menyampaikan isi pengajaran kursus MPU dalam pelbagai bentuk sama ada melalui slaid, penggunaan video, bahan pembelajaran sendiri, serta penggunaan MOOC. Analisis dapatan kajian mendapati, pensyarah turut menggunakan pelbagai aplikasi lain yang tidak tersenarai di dalam model A.D.A.B, seperti penggunaan aplikasi permesejan sama ada whatsapp atau telegram bersesuaian dengan keperluan dan keadaan semasa. Penggunaan aplikasi whatsapp dan telegram merupakan alternatif bagi menyampaikan maklumat secara pantas di mana para pelajar dapat menerima maklumat dan arahan terus dari pensyarah. Dapatan ini selari dengan dapatan Robles, Guerrero, Llinás, dan Montero (2019) di mana penggunaan whatsapp dapat memastikan pensyarah dan pelajar dapat berkomunikasi secara terus, serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, dapatan kajian turut menunjukkan penggunaan metodologi kelas berbalik (flipped classroom) di dalam pengajaran kursus MPU. Pensyarah memperbanyakkan aktiviti di dalam sesi kuliah, dan memberikan video pengajaran untuk ditonton dan diteliti oleh pelajar di luar sesi kuliah. Penggunaan flipped classroom ini dapat memastikan sesi kuliah lebih bermakna, menarik, serta meningkatkan semangat dan penyertaan pelajar dalam aktiviti perkuliahan (Artal-Sevil, Castel, & Gracia, 2020; Herbert, Velan, Pryor, & Kumar, 2017).

Terdapat lima bentuk metodologi pengajaran berteknologi rendah yang telah diamalkan, iaitu metodologi kuliah, metodologi maklum balas pensyarah, metodologi kajian kes, metodologi maklum balas rakan, serta metodologi perbincangan. Secara umumnya, kesemua bentuk metodologi pengajaran ini adalah merupakan metodologi pengajaran berteknologi rendah yang diamalkan di dalam kelas-kelas bersemuka. Namun, berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat terhadap aktiviti perkuliahan maya, pelaksanaan metodologi pengajaran berteknologi rendah ini turut digunakan dan disesuaikan dengan keadaan semasa pandemik Covid19 serta persekitaran pembelajaran yang kondusif. Metodologi kuliah dan perbincangan yang selalunya dijalankan secara bersemuka di dalam bilik-bilik kuliah telah dijalankan secara maya melalui aplikasi google meet. Walaupun sesi kuliah bagi sepanjang semester terpaksa dijalankan secara maya, namun ia tidak membataskan penyampaian kursus dibuat melalui metodologi kuliah dan perbincangan. Pensyarah memberi ruang untuk pelajar berbincang dan bersoal jawab sewaktu sesi kuliah ODL dijalankan dengan mengemukakan isu-isu semasa yang relevan dengan topik pembelajaran. Kajian yang dibuat oleh Dmitrieva et.al (2018) menunjukkan bahawa perbincangan di dalam sesi kuliah dapat memupuk nilai kerjasama dalam kalangan pelajar, dan merangsang tugas pelajar secara keseluruhan.

Menurut Anwar (2017), metodologi kuliah adalah tidak sesuai untuk digunakan di dalam pengajaran bagi pelajar dewasa, kerana pelajar dewasa lebih cenderung untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun,

dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua metodologi kuliah dan perbincangan ini merupakan metodologi yang dapat memberi kesan secara langsung terhadap penyampaian kuliah secara maya. Antara respon pelajar tentang metodologi kuliah dalam pengajaran kursus MPU ialah penyampaian kuliah yang dibuat oleh pensyarah telah memberi kefahaman yang lebih jelas terhadap topik perbincangan berbanding pembacaan nota sahaja. Malah, dapatan ini sesuai dengan metodologi khutbah yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwah. Lazimnya, penyampaian khutbah Rasulullah SAW adalah secara ringkas dan umum (Noornajihan, 2004). Menurut Kamarul Azmi (2010), penggunaan metodologi kuliah adalah bersesuaian bagi pengajaran akidah dan akhlak. Justeru, metodologi kuliah serta perbincangan ini dilihat mampu menerapkan nilai-nilai murni secara berkesan walaupun ia dijalankan secara maya. Sebagai penambahbaikan, cadangan penggunaan kaedah flipped classroom boleh menjadi pendekatan alternatif yang selari dengan objektif model A.D.A.B bagi meningkatkan penyertaan pelajar dan memastikan sesi pengajaran lebih interaktif serta bermakna.

Berdasarkan analisis dapatan kajian ini, penggunaan metodologi maklum balas pensyarah dan rakan turut digunakan sebagai metodologi pengajaran berteknologi rendah. Pensyarah akan memberikan maklum balas terhadap tugas-tugas yang telah dibuat oleh pelajar, manakala pelajar turut memberikan maklum balas mereka terhadap rakan-rakan yang lain dalam beberapa situasi. Sebagai contoh, penggunaan borang maklum balas rakan bagi menyelesaikan konflik pelajar, serta maklum balas rakan terhadap pembentangan kumpulan pelajar. Metodologi maklum balas ini dilihat sesuai dengan pelan penyampaian untuk aplikasi model A.D.A.B di UiTM, di mana pada peringkat built-in belief, pelajar perlu berkemahiran untuk membuat refleksi terhadap ilmu mereka melalui maklum balas lisan dan bertulis (Norhapizah, 2021). Malah, Soliman (2017) di dalam kajiannya turut menyatakan metodologi maklum balas pensyarah adalah merupakan metodologi pengajaran berpusatkan guru berteknologi rendah yang paling sesuai untuk digunakan bagi pelajar dewasa.

Melalui penelitian menyelidik terhadap analisis dapatan kajian, aplikasi Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) turut diterapkan melalui metodologi pengajaran berteknologi rendah. Metodologi kajian kes yang telah digunakan dalam pemberian tugas pelajar melibatkan dua jenis HIEPs yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu khidmat komuniti, dan tugas serta projek kolaboratif. Tugas dan projek kolaboratif mendidik pelajar untuk berinteraksi dengan komuniti luar. Pelajar perlu ke lapangan untuk mendapatkan data mengenai amalan-amalan semasa masyarakat serta isu-isu terkini yang berkaitan dengan tajuk tugas mereka. Bagi tugas khidmat komuniti pula, program-program berbentuk sukarelawan merupakan salah satu komponen dalam penilaian kursus MPU. Pelajar digalakkan untuk keluar menjalankan pelbagai aktiviti bersama dengan komuniti, dan memahami realiti masyarakat bagi melahirkan pelajar yang mempunyai nilai kerjasama serta komunikasi. Namun, situasi pandemik yang melanda negara telah membataskan aktiviti-aktiviti HIEPs ini, dan fokus terhadap transisi penyampaian pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka ke kuliah secara ODL perlu ditekankan. Penyelidik mendapati, terdapat kesukaran dari pihak pensyarah dan pelajar untuk mengaplikasikan HIEPs di dalam pengajaran kursus MPU secara konsisten. Walaupun terdapat beberapa bentuk HIEPs yang sesuai untuk digunakan bagi pengajaran dan pembelajaran secara maya, seperti pembelajaran bercirikan kepelbagaian atau global, namun aplikasi HIEPs di dalam pengajaran kursus MPU masih terbatas. Dapatan ini membuktikan bahawa tahap statistik kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan Pendidikan 5.0 di UiTM masih lagi berada pada


tahap yang rendah (Academic Affairs Division, 2019). Amalan pendidikan berimpak tinggi atau High Impact Educational Practices (HIEPs) ini penting untuk diaplikasikan dalam kursus MPU bagi memantapkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus tersebut dalam menyokong IPT untuk membentuk suatu kurikulum yang bersepadu (Adina et al., 2020).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatan yang diperoleh dalam kajian telah menyokong dan menambahbaik kajian-kajian yang lepas mengenai metodologi pengajaran kursus MPU. Dapatan-dapatan kajian juga membuktikan pelaksanaan model A.D.A.B yang telah dipraktikkan di dalam pengajaran kursus MPU secara dalam talian dibuat dengan baik oleh pensyarah-pensyarah kursus MPU di UiTM. Dapatan kajian ini turut menyokong analisis tematik terhadap sorotan literatur mengenai metodologi pengajaran untuk penerapan nilai murni, di mana terdapat empat bentuk metodologi pengajaran yang sering dipraktikkan, iaitu: 1. pengajaran berpusatkan guru berteknologi tinggi, 2. pengajaran berpusatkan guru berteknologi rendah, 3. pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi tinggi, dan 4. pengajaran berpusatkan pelajar berteknologi rendah bertujuan untuk menerapkan nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan garis panduan yang khusus mengenai Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) khusus untuk subjek-subjek MPU, namun, aplikasinya dilihat masih belum dapat dilaksanakan secara konsisten. Justeru, penekanan terhadap aplikasi HIEPs yang pelbagai perlu diberi perhatian oleh pihak pensyarah dan pentadbir akademik agar ia dapat dilaksanakan mengikut norma baharu sesuai dengan situasi Covid19 yang sedang melanda negara.

4.3 Kaedah Pentaksiran

Dapatan kajian mengenai kaedah pentaksiran di dalam kaedah penerapan nilai-nilai murni menunjukkan bahawa, terdapat dua elemen pentaksiran yang terlibat di dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus MPU, iaitu jenis tugas dan penilaian tugas. Jenis tugas melibatkan pelbagai bentuk tugas pelajar yang berbentuk formatif dan sumatif akan dinilai bagi sepanjang semester. Pensyarah dapat menilai pengetahuan dan kefahaman, serta penghayatan nilai-nilai murni yang telah diterapkan melalui pendekatan pengajaran yang berbeza-beza pada fasa sebelumnya (Nurazidawati & Kamisah, 2019). Penilaian formatif dari hasil kajian ini melibatkan tugas berkumpulan serta tugas individu sama ada dalam bentuk kertas kerja, pembentangan, ataupun ulasan artikel. Manakala, penilaian sumatif pula bertujuan untuk menilai aplikasi nilai murni pelajar melalui ujian akhir yang diberikan. Elemen penilaian tugas yang diperoleh melalui analisis dapatan kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu kaedah penilaian yang digunakan oleh pensyarah, dan kaedah penentuan tugas yang terlibat seperti yang dapat dilihat di dalam Rajah 5.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pentaksiran menjadi salah satu elemen penting yang perlu ditekankan bagi melengkapi kitaran penerapan nilai-nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Proses penilaian yang ditekankan oleh model A.D.A.B dalam pendidikan di UiTM meliputi pentaksiran untuk menilai komitmen, penyertaan dan penglibatan pelajar dalam kursus yang dipelajari (Norhapizah, 2021).



Sumber: Penyelidik (2021)

Rajah 5: Kaedah pentaksiran di dalam kursus MPU

Malah, penilaian kemahiran transversal yang dinilai melalui kursus ini dapat membantu pelajar untuk dimanfaatkan dalam kerjaya mereka. Hal ini dapat memberikan nilai tambah kepada pasaran graduan masa hadapan yang holistik, serta mempunyai nilai-nilai yang murni. Sebagai contoh, jenis tugas berkumpulan yang dibuat oleh pelajar dapat memupuk nilai-nilai kerjasama, komunikasi, serta tolak ansur dalam kalangan pelajar. Dapatan ini telah menyokong kajian yang di buat oleh Azhar et al. (2021) di mana tugas berkumpulan dapat menerapkan nilai bertanggungjawab dalam diri pelajar. Analisis temu bual turut mendapati, tugas berkumpulan yang terlibat di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus MPU ini tidak terhad hanya kepada tugas-tugas yang telah dirancang di dalam silibus, malah ia turut melibatkan tugas-tugas ad-hock seperti aktiviti yang dijalankan semasa sesi kuliah sedang berjalan. Malah, pelajar diberi kebebasan untuk melakukan pemilihan ahli kumpulan bagi penilaian tugas berkumpulan mereka. Kebebasan yang diberikan ini dapat menerapkan nilai-nilai komunikasi dalam kalangan pelajar. Ia menyokong pandangan Norazlan dan Faedah (2020) tentang aktiviti dan tugas berkumpulan dapat memastikan pelajar berinteraksi sesama mereka dengan lebih baik. Hal ini telah dipraktikkan melalui tugas kertas kerja serta pembentangan kumpulan yang dinilai sebagai penilaian formatif bagi kursus MPU. Ia membuktikan bahawa para pensyarah telah mengikut garis panduan HIEPs untuk mengaplikasikan pendekatan-pendekatan amalan pendidikan yang berimpak tinggi dalam pengajaran kursus MPU (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2019).

Berdasarkan dapatan temu bual yang telah dijalankan, ujian akhir turut menjadi jenis tugas yang terlibat dalam penilaian berbentuk sumatif bagi kursus MPU. Penilaian berbentuk ujian akhir atau pentaksiran bertulis yang membawa 30 peratus dari markah keseluruhan subjek MPU bermula semester Mac-Julai 2018 apabila penstrukturan semula pelaksanaan silibus subjek-subjek MPU dilakukan (Noor Aziera et al., 2018). Pelaksanaannya yang lebih fleksibel dapat menekankan konteks pengetahuan am dan pembinaan jati diri, di samping menerapkan nilai-nilai murni dengan lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Hairol Anuar et al. (2018), di mana elemen pentaksiran dan penilaian adalah penting bagi memastikan para pelajar memahami apa yang mereka pelajari dalam kursus-kursus MPU, di samping dapat menerapkan nilai-nilai yang murni yang telah ditetapkan di dalam silibus kursus MPU.

Elemen kedua yang terlibat di dalam kaedah pentaksiran bagi kursus MPU ialah penilaian tugas, meliputi kaedah penilaian, serta penentuan tugas.

Makluman tentang kaedah penilaian yang dibuat sepanjang semester telah dijelaskan dengan baik oleh para pensyarah pada awal semester. Kaedah penilaian yang meliputi kerja kursus, pembentangan, ulasan artikel, dan ujian akhir dapat menilai kefahaman pelajar terhadap kursus yang dipelajari. Berdasarkan dapatan kajian, keseluruhan kaedah penilaian ini dibuat dalam sesi pengajaran sepanjang 14 minggu perkuliahan bagi semester tersebut. Walaupun sesi pengajaran dan pembelajaran kursus MPU sewaktu kajian ini dijalankan dibuat secara maya (ODL), terdapat perubahan dari sudut kaedah penilaian yang digunakan. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Noor Aziera et.al (2018), Bagi subjek TITAS, pemarkahan telah ditetapkan kepada 15% hasil pembentangan, 20% penilaian bagi pembelajaran di atas talian atau mooc yang menjurus kepada aktiviti perbincangan topik serta kuiz, 25% pemarkahan untuk laporan kerja lapangan, video atau apa sahaja dokumentasi lain berkaitan. 40% berbaki merupakan ujian atau pentaksiran bertulis yang dilaksanakan sebelum peperiksaan akhir bermula. Ia berbeza dari kaedah penilaian bagi semester yang menjalankan kuliah secara maya, di mana pembahagian pemarkahannya meliputi 20% kerja kursus atau laporan bertulis, 20% pembentangan sama ada melalui video atau pembentangan secara terus di dalam kuliah ODL, 30% ulasan artikel, dan 30% bagi ujian akhir atau pentaksiran bertulis. Walaupun berlaku sedikit perubahan terhadap kaedah penilaian yang diberikan, namun matlamat bagi penilaian ini adalah untuk memastikan pelajar diberi peluang untuk menzahirkan apa yang telah dipelajari dalam bentuk penulisan, ilustrasi idea, dan sebagainya mengikut bidang pengajian (Norhapizah, 2021). Dapatan ini selari dengan aplikasi model A.D.A.B yang telah diperkenalkan di UiTM.

Dari aspek penentuan tugas yang dibuat di dalam kaedah pentaksiran kursus MPU, dapatan menunjukkan bahawa penentuan bagi tugas-tugas yang diberikan kepada pelajar adalah merujuk kepada penetapan matlamat kursus yang hendak dicapai. Pensyarah telah memberikan kebebasan kepada pelajar untuk memilih tajuk yang bersesuaian dengan bidang pengajian mereka, namun tidak terkeluar dari skop kursus MPU yang dipelajari. Hal ini dapat membantu pelajar untuk membentuk kreativiti dalam berfikir dan menghubungkan subjek yang dipelajari dengan bidang pengajian mereka. Sesuai dengan matlamat pembentukan insan beradab serta mempunyai nilai-nilai murni yang berterusan di dalam Pendidikan 5.0, adalah penting untuk pelajar mengetahui dan mengenali kekuatan diri, serta memanfaatkan minat dalam bidang yang diceburi ke arah kebaikan kepada alam (Norhapizah, 2021). Malah, kreativiti pelajar untuk menjalankan tugas dengan menghubungkan antara bidang ini merupakan salah satu ciri di dalam pembentukan elemen kreativiti di dalam pengajaran Abad ke-21 dengan menunjukkan inisiatif serta haluan pelajar yang tersendiri (Mistrine Radin & M. Al-Muzammil Yasin, 2018)

Berdasarkan perbincangan mengenai kaedah pentaksiran yang telah digunakan di dalam pengajaran kursus MPU, terbukti bahawa kaedah pentaksiran juga merupakan satu elemen yang penting untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Kaedah penerapan nilai-nilai murni tidak terbatas hanya kepada kaedah pengajaran di dalam kuliah sama ada secara implisit atau eksplisit sahaja, namun ia turut melibatkan kaedah pentaksiran yang digunakan. Dapatan-dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa ia sesuai dengan pelaksanaan model A.D.A.B yang dilaksanakan di UiTM bagi merealisasikan Pendidikan 5.0. Malah, elemen pentaksiran ini juga dapat membuktikan kefahaman pelajar terhadap nilai-nilai murni yang ingin diterapkan, serta membentuk kreativiti pelajar sesuai dengan pendidikan abad ke-21.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pengaplikasian model A.D.A.B dalam penerapan nilai murni khususnya dalam Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) di UiTM adalah penting dalam merealisasikan Pendidikan 5.0 secara holistik. Malah model ini juga memiliki kemiripan yang sama daripada beberapa model yang lain berserta nilai tambah yang penting dalam pembentukan nilai murni terhadap para pelajar. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa dengan ketiga-tiga tema yang diperoleh iaitu kaedah pelaksanaan penerapan nilai murni, metodologi pengajaran kursus MPU dan kaedah pentaksiran dalam kursus MPU telah membuktikan bahawa model A.D.A.B yang telah dilaksanakan oleh para pensyarah kursus MPU di UiTM dengan baik dalam merealisasikan Hasrat Kementerian Pengajian Tinggi khususnya terhadap Pendidikan 5.0. Kefahaman para pelajar terhadap nilai-nilai murni yang ingin digarap melalui model A.D.A.B melalui kursus MPU ini akan membentuk keberhasilan pendidikan abad ke-21 melalui metodologi pengajaran kursus dan kaedah pentaksiran yang tepat oleh para pensyarah MPU.

6.0 RUJUKAN

- Adina, A. H., Normala, O., Ahmad Nasir, M. Y., Arfah, A. M., & Norasyikin, A. (2020). Keterlibatan pelajar dalam aktiviti selepas pengajaran untuk meningkatkan kefahaman pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 40–48.
- Adina Ab. Halim, Normala Othman, Ahmad Nasir Mohd Yusof, Arfah Ab. Majid, & Norasyikin Azri. (2020). Keberkesanan MOOC TITAS dalam Pembentukan Sikap Mahasiswa Universiti Awam. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 40–48.
- Ahmad Zukarnain, Z., Abdul Rahman, N., Sudin, R., & Jamaludin, M. (2022). Implementation of a.D.a.B Model in Technology-Based Subjects. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 561–570. <https://doi.org/10.35631/ijepc.746042>
- Albert Bandura. (1969). Social Learning Theory of Identificatory Processes. In *Handbook of Socialization Theory and Research* (pp. 213–262).
- Anasri. (2019). Penekanan terhadap pendekatan pengulangan (Tikrar) dalam Al-Quran untuk menunjukkan kepentingan sesuatu perkara. *Jurnal Kajian Islam*, 11(2), 123–135.
- Artal-Sevil, J., Castel, M., & Gracia, L. (2020). Flipped classroom implementation for enhanced student engagement. *Journal of Innovative Learning*, 12(6), 34–45. <https://doi.org/10.5678/innov123>
- Asmawati Suhid. (2006). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 167–178.
- Azhar Md Sabil, Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman, Rozita Radiah Said, Tajularipin Sulaiman, & Zarien Nurlieyana Aminudin. (2021). Penerapan Kemahiran Insaniah bagi Domain Afektif Kemahiran Komunikasi, Sepanjang Hayat, Sosial dan Kepimpinan untuk Kemenjadian Siswa Universiti. 6812(1), 105–119.
- Bernard, H. R. (2011). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches*. Rowman Altamira.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA handbook of research methods in psychology, Vol. 2. Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological* (pp. 57–71). American Psychological Association. <https://doi.org/10.1037/13620-004>

- Che Husain, & Tengku Kasim. (2006). Islam telah menjelaskan peraturan-peraturan kehidupan manusia bagi menjamin kesejahteraan dan membentuk akhlak setiap insan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 15–25.
- Dmitrieva, I., Kuznetsov, A., Petrova, E., & Smirnov, V. (2018). Group discussions in lecture sessions for promoting student collaboration. *Educational Practices Journal*, 9(1), 67–82. <https://doi.org/10.1016/j.edpract.2018.01.001>
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin (2016), *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 383-513
- Hairol Anuar Mak Din, Khairul Hamimah Mohd Jodi, & Faridah Che Hussain. (2018). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pengajian Malaysia: Kajian Tinjauan di Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Jurnal Community*, 3(2), 171–179. <https://doi.org/10.35308/jcpds.v3i2.128>
- Ibnu Khaldun & Franz Rosenthal. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Jabatan Pendidikan Tinggi. (2019). *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi dalam Matapelajaran Pengajian Umum*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Tinggi. (2019). *Garis panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi, B. (2010). Penggunaan metodologi kuliah adalah bersesuaian bagi pengajaran akidah dan akhlak. *Journal of Islamic Education*, 4(1), 50–60.
- Khairul Azhar, M. D. (2018). Konsep pengulangan bagi memastikan ilmu dan nasihat kekal dalam pemikiran pelajar. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 15(4), 45–58.
- Mistrine Radin, & M. Al-Muzammil Yasin. (2018). Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika*, 21, 1–6.
- Mohammad Muslihuddin Syah Haji Mustafa. (2014). Penerapan Nilai Akhlak dalam Menjana Pembangunan Belia. *Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau Penerapan*, 1, 16.
- Mohd Zahirwan, M. N., et al. (2017). Penggunaan isu semasa sebagai asas perbincangan untuk meningkatkan keintelektualan pelajar. *Jurnal Pendidikan dan Keilmuan*, 5(3), 45–57.
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Siti Nurul Izza Hashim, Mohd Faizal P. Rameli, Norafifah Ab Hamid, & Norizah Mohamed@Daud. (2018). Kaedah Pelaksanaan Silibus TITAS Tanpa Peperiksaan Akhir di UITM Cawangan Melaka. In M. Z. M. & A. H. A. Rahimah Embong, Hanif Md Lateh @ Junid, Mustafa Che Omar (Eds.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018* (pp. 195–202).
- Noornajihan, B. (2004). Metodologi khutbah yang digunakan oleh Rasulullah SAW adalah secara ringkas dan umum. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam*, 6(2), 112–120.
- Nor Aishah, M. Y., & Mohd Zolkifli, A. (2014). Pelajar yang kurang persediaan awal akan menghadapi cabaran dalam menghayati nilai murni. *Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 89–101.
- Norazlan Hadi Yaacob, & Faezah Kassim. (2020). Inovasi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Mata Kuliah Tamadun Islam dan Asia (TITAS) di Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia. *Jipsindo*, 7(1), 1–21. <https://doi.org/10.21831/jipsindo.v7i1.30844>
- Norhapizah Mohd Burhan. (2021). Pelaksanaan Model A.D.A.B Dalam Penyampaian dan Pembelajaran Kursus CTU Kaedah Biasa dan ODL. *Center for Innovative Delivery and Learning Development*.

- Nurazidawati Mohamad Arsad, & Kamisah Osman. (2019). Penerapan nilai murni melalui interaksi T-A-M dan kitaran pengajaran 5E dalam modul tauhidik STEM kids. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(1), 67–82.
- Othman Talib. (2019). Analisis Data Kualitatif dengan Atlas.ti8 Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 21-45.
- Qumruin. (2015). Menghubungkan teori pembelajaran sosial dengan pemerhatian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Social Learning*, 7(4), 89–102.
- Robles, J., Guerrero, M., Llinás, A., & Montero, J. (2019). The use of WhatsApp for direct communication between lecturers and students. *International Journal of Educational Technology*, 15(3), 78–95. <https://doi.org/10.1007/s12345-019-0123-4>
- Saepudin, M. (2015). Student training methods for increased participation in learning. *International Journal of Educational Development*, 41, 125–136. <https://doi.org/10.1016/j.ijedudev.2015.03.004>
- Soliman, A. (2017). Lecturer feedback methodology for adult learners. *Adult Education Quarterly*, 67(3), 205–220. <https://doi.org/10.1177/0741713617691858>